

Reformasi sekolah mengubah budaya, bukan sekadar bangunan

Dr Norasyikin Mohatyuddin,
Universiti Utara
Malaysia (UUM)

Ketika Kementerian Pendidikan (KPM) mengumumkan pelaksanaan Program Reformasi Sekolah membabitkan 10 sekolah di setiap daerah sebagai projek rintis, ramai tertumpu kepada peruntukan sehingga RM100,000 bagi setiap sekolah.

Namun, hakikatnya inti pati reformasi ini jauh lebih besar daripada angka berkenaan. Reformasi sebenar bukan bermula dengan pembinaan bangunan baharu atau pemasangan papan pintar, sebaliknya bermula dengan perubahan budaya sekolah, profesionalisme guru dan kesejahteraan seluruh komuniti pendidikan.

Pendekatan ini hadir pada masa amat signifikan. Malaysia sedang memasuki era Rancangan Pendidikan Malaysia (RPM) 2026-2035, memberi penekanan kepada pembangunan modal insan, transformasi digital dan pembelajaran lebih inklusif.

Dalam konteks ini, sekolah bukan lagi sekadar tempat menyampaikan ilmu, tetapi institusi membentuk sahsiah, kesejahteraan mental dan keupayaan murid menghadapi cabaran masa depan.

Apa yang menarik ialah KPM menetapkan empat petunjuk utama bagi menilai kejayaan reformasi, iaitu kehadiran murid, pencapaian akademik, tahap disiplin dan kesejahteraan minda.

Pemilihan petunjuk ini perubahan paradigma amat penting. Selama ini, kecemerlangan sekolah sering diukur melalui keputusan peperiksaan semata-mata, sedangkan faktor seperti kesihatan mental, disiplin dan budaya pembelajaran turut menentukan kejayaan seseorang murid.

Pendekatan ini juga selari dengan dapatan antarabangsa. UNESCO Global Education Monitoring Report menegaskan sekolah menyediakan persekitaran pembelajaran selamat, inklusif dan menyokong kesejahteraan murid menunjukkan pencapaian akademik lebih baik serta kadar keciciran lebih rendah.

Begitu juga laporan Pertubuhan Kerjasama dan

Pembangunan Ekonomi (OECD) Program Penilaian Pelajar Antarabangsa (PISA) 2022, menunjukkan kesejahteraan murid, rasa kekitaan di sekolah dan hubungan positif dengan guru mempunyai kaitan rapat dengan motivasi serta pencapaian pembelajaran.

Tidak dapat dinafikan, reformasi ini juga tindak balas kepada beberapa cabaran semasa semakin membimbangkan. Pada 2025, KPM merekodkan 2,889 kes buli di sekolah, 740 kes di sekolah rendah dan 2,149 kes di sekolah menengah. Statistik ini membuktikan usaha meningkatkan keselamatan dan kesejahteraan sekolah bukan lagi satu pilihan, sebaliknya keperluan mendesak. Namun, reformasi pendidikan tidak akan berjaya sekiranya hanya bergantung kepada suntikan kewangan.

Guru sebagai ejen utama reformasi

Perubahan budaya memerlukan masa, latihan berterusan, sokongan psikososial serta kepemimpinan mampu menggerakkan seluruh komuniti sekolah ke arah matlamat sama.

Guru perlu dilihat sebagai ejen utama reformasi, bukan sekadar pelaksana dasar, tetapi pemimpin pembelajaran menentukan bagaimana sesuatu da-

sar diterjemahkan di dalam bilik darjah.

Oleh itu, pelaburan terhadap pembangunan profesional guru perlu berjalan seiring dengan penambahan infrastruktur sekolah. Teknologi canggih tidak akan memberikan impak optimum tanpa guru bersedia menggunakannya secara kreatif dan berkesan.

Selain itu, pembabitkan ibu bapa dan komuniti setempat tidak boleh diketepikan. Sekolah yang berjaya lazimnya mempunyai hubungan erat dengan komuniti, sekali gus mewujudkan ekosistem menyokong perkembangan akademik, emosi dan sosial murid.

Hakikatnya, ukuran sebenar kejayaan Program Reformasi Sekolah bukan berapa banyak sekolah menerima peruntukan atau berapa banyak kemudahan baharu dibina.

Kejayannya terserlah apabila murid hadir ke sekolah dengan lebih gembira, guru lebih bermotivasi untuk mengajar, ibu bapa kembali yakin terhadap sistem pendidikan dan budaya sekolah berubah menjadi lebih positif, selamat serta kondusif untuk pembelajaran. Reformasi sebenar bukan sekadar mengubah wajah sekolah, tetapi mengubah cara mendidik generasi masa hadapan.

